



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



**PERATURAN-PERATURAN
LALULINTAS JALAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
2007**

PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN USIM 2007



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA

HAK CIPTA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**CETAKAN PERTAMA 2006
CETAKAN KEDUA 2010**

Hak cipta terpelihara

Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula,
disimpan untuk pengeluaran
ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga
cara melainkan mendapat izin bertulis
daripada USIM.

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN KESELAMATAN
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8065/ 8070
Fax: 06-798 8066

ISI KANDUNGAN

| | | |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|------|
| 1.0 | AM | 1 |
| 2.0 | TUJUAN | 1 |
| 3.0 | TAFSIRAN | 1 |
| 4.0 | PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA | 2 |
| 5.0 | PERATURAN LALULINTAS KAMPUS | 3 |
| 6.0 | KUASA-KUASA PENGAWAL KESELAMATAN | 4 |
| 7.0 | PELAKSANAAN TINDAKAN | 4 |
| 8.0 | PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN | 5 |
| 9.0 | TINDAKAN DI ATAS KESALAHAN LALU LINTAS | 5 |
| 10.0 | LAMPIRAN | 6-10 |

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN USIM 2007

1.0 AM

Peraturan lalu lintas jalan ini diwujudkan selaras dengan perkara 6(1)(w) dan 32(5) Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia. Peraturan lalu lintas ini dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Universiti Sains Islam Malaysia 2007**.

2.0 TUJUAN

- (a) Peraturan ini dikeluarkan dengan tujuan menjaga keselamatan dan kelicinan lalu lintas jalan di dalam kawasan kampus.
- (b) Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua yang disenaraikan seperti berikut :
 - i. Kakitangan
 - ii. Pelajar
 - iii. Pekerja Luar
 - iv. Pelawat

3.0 TAFSIRAN

Dalam peraturan-peraturan ini, jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

1. "arahan lalu lintas" ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh seseorang yang diberikan kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kampus;
2. "harta benda" ertinya mana-mana isyarat lalu lintas, bangunan, binaan, kenderaan, peralatan dan perkakasan yang dipunyai oleh USIM;
3. "isyarat lalu lintas" ertinya apa-apa isyarat yang bermaksud tiang isyarat amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau penunjuk orang yang menggunakan jalan;
4. "kampus" ertinya kawasan kampus USIM termasuk semua kampus cawangan, kolej kediaman dan bangunan;
5. "kakitangan" ertinya mana-mana pekerja USIM yang diambil bekerja oleh Pihak Berkuasa Melantik USIM secara tetap, sementara, kontrak atau sambilan, dibayar emolumen oleh USIM, dan termasuklah seseorang yang berkhidmat di USIM secara pinjaman;
6. "pelajar" termasuklah mana-mana pelajar lepasan ijazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah rancangan pengajian jarak jauh atau luar kampus, pelajar diploma, pelajar bukan siswazah dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan di USIM;
7. "pelawat" ertinya seseorang atau kumpulan orang yang memasuki kampus USIM selain daripada kakitangan USIM, pelajar USIM atau pekerja luar;
8. "pekerja luar" ertinya seseorang bukan kakitangan USIM yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di dalam sesuatu kawasan kampus, kolej kediaman atau bangunan di USIM;

9. "kenderaan" ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;
10. "meletak kenderaan" ertinya membawa sesuatu kenderaan kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barang-barang/ bagasi;
11. "orang yang diberikan kuasa" ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberikan kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak USIM;
12. "pengawal keselamatan" ertinya semua peringkat anggota keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa USIM dan ditugaskan mengawal keselamatan di dalam kampus USIM termasuklah anggota-anggota keselamatan di Unit Trafik dan Lalulintas;
13. "pelekat kenderaan" ertinya pelekat kenderaan motor yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa USIM;
14. "kenderaan motor" ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menarik;

4.0 PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2007

- (a) Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan undang-undang lalu lintas jalan iaitu:
 - i. Akta Pengangkutan Jalan 1987;
 - ii. Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2000 (KTP 2000);
 - iii. Pekeliling Pendaftar Bil. 3 Tahun 2006.
- (b) Tiada apa-apa dalam perenggan (a)(i), (ii) dan (iii) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana kakitangan, pelajar, pekerja luar, pelawat atau orang lain dalam kampus kerana apa-apa kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan USIM 2007 berkenaan atau apa-apa perundangan kecil yang dibuat di bawahnya.

5.0 PERATURAN LALU LINTAS KAMPUS

5.1 Sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2000 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3 Tahun 2006, seseorang kakitangan, pelajar, pekerja luar dan pelawat adalah juga dilarang melakukan perkara-perkara berikut:

- a) Mana-mana kakitangan dan pelajar yang memandu atau mengawal sesebuah kenderaan yang tidak membawa bersama suatu lesen memandu dan sijil cukai jalan yang masih sah.
- b) Mana-mana pelajar yang memandu sesebuah kenderaan dengan tidak membawa bersama-sama Kad Pendaftaran Pelajar (Kad Matrik).
- c) Mana-mana penunggang motosikal yang tidak memakai topi keledar.
- d) Mana-mana pemandu kenderaan yang tidak memakai tali pinggang keledar.
- e) Larangan meletak apa-apa kenderaan di tempat-tempat berikut:-
 - i. Tanda larangan meletak kenderaan
 - ii. Di garisan kuning/ petak kuning
 - iii. Di simpang jalan/ bahu jalan
 - iv. Kaki lima bangunan (*pavement*)
 - v. Di hadapan tangga/ pintu masuk mana-mana bangunan
 - vi. Ruang kenderaan yang diuntukkan
- f) Had Laju
Tiada seseorang pun boleh memandu sesebuah kenderaan bermotor dalam kampus melebihi hadlaju yang ditunjukkan oleh papantanda had laju.
- g) Kebenaran kepada pelajar untuk menggunakan kenderaan dalam kampus.

Semua pelajar yang menggunakan kenderaan dalam kampus hendaklah dengan kebenaran pihak berkuasa USIM.

Semua perkara berkaitan pendaftaran dan pemilikan kenderaan persendirian pelajar adalah tertakluk dengan syarat-syarat dan Kaedah-Kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2000.
- h) Semua kakitangan USIM, pelajar, pelawat dan pekerja luar dilarang mengingkari arahan Pengawal Keselamatan dalam menguatkuasakan peraturan ini.
- i) Jenis-jenis kesalahan lalu lintas dan kesalahan meletak kenderaan yang dikuatkuasakan sebagai Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan USIM 2007 yang terkandung di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2000 dan adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.
- j) Merosakkan atau Memusnahkan Harta Benda
Mana-mana kakitangan, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menggunakan kenderaan dalam kawasan kampus telah merosakkan atau memusnahkan harta benda USIM atas sebab kecuaiian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas jalan yang terkandung dalam peraturan ini, dikehendaki membayar balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan setelah dituntut oleh USIM.

6.0 KUASA-KUASA PENGAWAL KESELAMATAN

6.1 Pengawal Keselamatan adalah berkuasa mengambil tindakan-tindakan berikut:

- a) Melarang mana-mana kenderaan bermotor yang tidak ada atau tidak menampal pelekat kenderaan daripada memasuki kawasan kampus.
- b) Menahan kenderaan bermotor dan menahan seseorang yang melakukan kesalahan lalu lintas dalam kawasan kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu.
- c) Mengeluarkan saman lalu lintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan lalulintas kampus.
- d) Mengunci roda kenderaan yang melanggar peraturan meletak kenderaan.
- e) Mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Pegawai Keselamatan bagi menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan ini.

6.2 Pegawai Keselamatan boleh mengenakan denda sebanyak RM50.00 bagi kesalahan lalu lintas dan RM30.00 bagi membuka kunci roda (*clamp*).

6.3 Pegawai Keselamatan boleh menuntut pembayaran balik nilai harta benda yang drosakkan atau dimusnahkan seperti di peraturan 5.1(j).

7.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

7.1 Papan kenyataan akan dipasang di lokasi strategik bagi memaklumkan kepada semua pengguna jalan raya kampus mengenai petunjuk arah laluan, kawasan larangan meletak kenderaan dan kenyataan mengenai tindakan kunci roda kenderaan (*clamp*).

7.2 Tindakan Saman

- i. Mengeluarkan notis saman kepada pesalah seperti di Lampiran C1 dan C2.
- ii. Memasukkan data kesalahan ke dalam Sistem Lalu Lintas USIM;
- iii. Kampaun dibayar di kaunter bayaran Bahagian Keselamatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis saman dikeluarkan;
- iv. Memajukan laporan untuk tindakan tatatertib selepas tamat tempoh bayaran kampaun bagi kesalahan oleh kakitangan dan pelajar.

7.3 Tindakan Kunci Roda Kenderaan (*clamp*)

- i. Mengunci roda kenderaan bagi kesalahan meletak kenderaan;
- ii. Surat pemberitahuan kesalahan dikunci roda (*clamp*) akan dikeluarkan oleh Pengawal Keselamatan seperti di Lampiran D;
- iii. Bayaran denda dibuat di kaunter bayaran Bahagian Keselamatan.
- iv. Kunci roda (*clamp*) akan dibuka oleh Pengawal Keselamatan.

8.0 PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN

Semua kenderaan kakitangan, pelajar dan pekerja luar diberikan kemudahan dengan menggunakan pelekat kenderaan Universiti dengan cara permohonan. Borang permohonan pelekat kenderaan boleh didapati di Pejabat Bahagian Keselamatan.

Pelekat Kenderaan adalah merupakan kemudahan bukannya dianggap sebagai Pas Rasmi USIM. Setiap pelekat kenderaan akan ditukar mengikut sesi/ tahun dan sah digunakan untuk sesi/ tahun tersebut sahaja. Pengawal Keselamatan akan mengadakan pemeriksaan pada pelekat kenderaan daripada semasa ke semasa untuk memastikan tempoh sah lakunya.

- 8.1 Pegawai Keselamatan boleh membatalkan atau menggantungkan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi 6 bulan kemudahan pelekat kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang kakitangan, pelajar dan pekerja luar yang gagal membayar kompaun yang dikenakan ke atasnya.
- 8.2 Seseorang kakitangan, pelajar dan pekerja luar yang dibatalkan atau digantung kemudahan pelekat kenderaannya tidak berhak membawa kenderaan bermotor memasuki kawasan kampus bagi tempoh masa kemudahan tersebut dibatalkan atau digantung.

9.0 TINDAKAN DI ATAS KESALAHAN LALU LINTAS

- 9.1 Seseorang kakitangan, pelajar, pelawat atau pekerja luar yang didapati melakukan kesalahan lalu lintas di dalam kawasan kampus dikenakan salah satu atau semua tindakan seperti berikut:
 - i. Dikenakan kompaun sebanyak RM50.00 bagi satu kesalahan yang dilakukan;
 - ii. Mengunci roda kenderaan (*clamp*) dan sejumlah kompaun RM30.00 untuk membukanya;
 - iii. Kemudahan pelekat kenderaan yang dikeluarkan kepadanya boleh dibatalkan atau digantung mengikut Peraturan 8(1);
 - iv. Tindakan tatatertib boleh dikenakan di bawah Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2000 atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605] (kecuali kepada pelawat atau pekerja luar)

10.0 Pemakaian peraturan ini hanya tertakluk terhadap semua kesalahan dan pelanggaran tatatertib lalu lintas di kawasan kampus atau apa-apa kawasan atau bangunan yang dijadikan premis atau bangunan USIM.

- 10.1 Tiada apa-apa jua dalam peraturan-peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar, kakitangan, pekerja luar dan pelawat bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

**Diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia
Bil. 4/2006 pada 7 September 2006.**

JENIS-JENIS KESALAHAN LALU LINTAS USIM

| BIL | JENIS KESALAHAN | KOMPAN | UNDANG-UNDANG /PERATURAN |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | <p>KESALAHAN LALU LINTAS</p> | <p>KOMPAN KESALAHAN LALU LINTAS</p> | |
| 1. | Memandu/ menunggang kenderaan bermotor tanpa mempunyai lesen memandu yang sah/tamat tempoh. | 1. Kompaun maksima sebanyak RM50.00 . Jika denda tidak dijelaskan dalam tempoh 14 Hari dari tarikh saman akan dikeluarkan, laporan akan dimajukan kepada Jawatankuasa Tatatertib Universiti. | a. Akta Pengangkutan Jalan 1987; b. Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000; (Akta 605) c. Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2000; |
| 2. | Memandu/menunggang kenderaan yang telah tamat cukai jalan. | 2. Pekerja Luar dan Pelawat tidak dibenarkan memasuki kampus. | d. Peraturan-Peraturan Laluan Lintas Jalan Universiti Sains Islam Malaysia 2007. |
| 3. | Tidak memiliki suatu kebenaran bertulis hak milik kenderaan. | | |
| 4. | Tidak mematuhi had laju yang dibenarkan. | | |
| 5. | Menunggang motosikal dengan membawa penumpang berlebihan | | |
| 6. | Tidak mematuhi arahan dan tanda lalu lintas jalan. | | |
| 7. | Menunggang/membonceng motosikal tanpa memakai topi keledar. | | |
| 8. | Memandu tanpa memakai tali pinggang keledar. | | |
| 9. | Tidak memberhentikan kenderaan di sekat jalan. | | |
| 10. | Keengganan memberikan kerjasama kepada Pegawai Keselamatan Trafik | | |
| 11. | Memandu / menunggang kenderaan bermotor bukan di laluan yang dibenarkan. | | |
| 12. | Tidak mempamerkan pekat kenderaan USIM. | | |

LAMPIRAN B

JENIS-JENIS KESALAHAN LALU LINTAS USIM

| BIL | KESALAHAN MELETAK KENDERAAN | KOMPAMU KESALAHAN BERKAITAN MELETAK KENDERAAN | UNDANG-UNDANG / PERATURAN |
|-----|-----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Meletak motosikal ditempat letak kereta. | 1. Mengunci Roda Kenderaan (<i>Clamping</i>) | a. Akta Pengangkutan Jalan 1987; |
| 2. | Meletak kenderaan secara menghalang kenderaan lain. | 2. Kumpaun : | b. Akta Badan Berkanun (Tatartib & Surcaj) 2000; (Akta 605) |
| 3. | Meletak kenderaan yang menyebabkan halangan kepada lalu lintas. | a) Kumpaun membuka "Clamp" sebanyak RM30.00 | c. Kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia(Tatartib Pelajar) 2000; |
| 4. | Meletak kenderaan di tempat lintasan penjalan kaki. | b) Membayar kos sebenar alatan "Clamp" yang dirosakkan | d. Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Universiti Sains Islam Malaysia 2007. |
| 5. | Meletak kenderaan dipersimpangan jalan. | | |
| 6. | Meletak kenderaan dibahu jalan. | | |
| 7. | Meletak kenderaan di kawasan larangan. | | |
| 8. | Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan. | | |



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN KESELAMATAN

PEMBERITAHUAN SAMAN KESALAHAN LALU LINTAS KAMPUS
PERATURAN LALULINTAS JALAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2007

(KAKITANGAN / PELAJAR / PELAWAT & PEKERJA LUAR)

BAHAWASANYA pemandu kenderaan motor nombor pendaftaran
dikatakan atau disyaki telah melakukan kesalahan berkaitan dengan pemanduan kenderaan motor tersebut di
bawah Peraturan Lalulintas Jalan USIM 2007 atau mana-mana kaedah yang dibuat dibawahnya. Butir-butir
mengenai kenderaan motor tersebut dan kesalahan-kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan
adalah seperti berikut:

Tarikh: Masa:

No. Daftar Kenderaan : Jenis Kenderaan :

Nama :

No Staf / Matrik / Kad Pengenalan :

Tempat :

Jenis Kesalahan :

Nama Pengawal /Pengadu:

Tarikh : Masa:

Tandatangan :
Pegawai Yang Mengeluarkan/Cop Pejabat

1. Dengan ini diberitahu bahawa kesalahan tersebut telah diadakan. Anda dikehendaki berjumpa dengan Pegawai Keselamatan Universiti Sains Islam Malaysia sebelum atau membayar terus kompaun tersebut di Bahagian Keselamatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh saman dikeluarkan. Denda /kompaun maksima adalah RM50.00.
2. Jika tidak mengambil tindakan seperti perkara (1) di atas, kes ini akan dilaporkan untuk tindakan Jawatankuasa Tatatertib. (Kakitangan dan Pelajar Sahaja)
3. Jika tidak mengambil tindakan seperti perkara (1) di atas, kenderaan anda adalah dilarang memasuki kawasan kampus. (Pelawat dan Pekerja Luar Sahaja)

Catatan Pegawai Keselamatan :

Tandatangan & Cop Pejabat

Tarikh :

* Gunakan alamat ini untuk surat menyurat

BAHAGIAN KESELAMATAN
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

LAMPIRAN C 2

SENARAI KESALAHAN-KESALAHAN

- | | | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| 1. | Memandu/ menunggang tanpa lesen yang sah. | - Bil. (1) PLJ USIM |
| 2. | Memandu/ menunggang kenderaan bermotor yang tamat cukai jalan dan tanpa insurans. | - Bil. (2) PLJ USIM |
| 3. | Tidak memiliki suatu kebenaran bertulis hak milik kenderaan. | - Bil. (3) PLJ USIM - K.36 KTP 2000 |
| 4. | Tidak mematuhi had laju yang ditetapkan/ Melebihi had laju | - Bil. (4) PLJ USIM - K.38 KTP 2000 |
| 5. | Kesalahan memboncong motosikal lebih dari hadnya. | - Bil. (5) PLJ USIM - K.42 KTP 2000 |
| 6. | Tidak mematuhi arahan dan tanda lalu lintas jalan. | - Bil. (6) PLJ USIM - K.43 KTP 2000 |
| 7. | Menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar. | - Bil. (7) PLJ USIM |
| 8. | Memandu tanpa memakai tali pinggang keledar. | - Bil. (8) PLJ USIM |
| 9. | Tidak memberhentikan kenderaan disekatan jalan. | - Bil. (9) PLJ USIM |
| 10. | Keengganan memberikan kerjasama dengan Pegawai Keselamatan Trafik. | - Bil. (10) PLJ USIM |
| 11. | Memandu/menunggang kenderaan bukan dilaluan yang dibenarkan. Memandu kereta/motosikal diatas lorong, koridor, beranda, kaki lima, bahu jalan, mana-mana bahagian dalam bangunan yang dilarang. | - Bil. (11) PLJ USIM - K.39 KTP 2000 |
| 12. | Tidak mempamerkan pelekat kenderaan Universiti. | - Bil. (12) PLJ USIM |
| 13. | Meletak kereta/motosikal secara menghalang. | - K.40 KTP 2000 |
| 14. | Kengganan mengemukakan lesen memandu dan kad daftar pelajar. | - K.44 KTP 2000 |
| 15. | Halangan kepada aliran lalu lintas. | - K.45 KTP 2000 |
| 16. | Melakukan kesalahan dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. | - K.46 KTP 2000 |



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN KESELAMATAN

KESALAHAN MELETAK KENDERAAN
(KENDERAAN DI KUNCI RODA "CLAMP")

Tarikh:

Masa :

Tempat:

Kenyataan Kesalahan :

BAHAWASANYA kenderaan anda bernombor pendaftaran Jenis kenderaan
telah di 'clamp' pada jam kerana didapati telah melakukan kesalahan:

1. Meletak motosikal ditempat letak kereta. -Bil. (1) PLJ USIM
2. Meletak kenderaan secara menghalang kenderaan lain. -Bil. (2) PLJ USIM
3. Meletak kenderaan yang menyebabkan halangan lalu lintas. -Bil. (3) PLJ USIM
4. Meletak kenderaan ditempat lintasan pejalan kaki. -Bil. (4) PLJ USIM
5. Meletak kenderaan dipersimpangan jalan. -Bil. (5) PLJ USIM
6. Meletak kenderaan dibahu jalan. -Bil. (6) PLJ USIM
7. Meletak kenderaan dikawasan larangan. -Bil. (7) PLJ USIM
8. Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan. -Bil. (8) PLJ USIM

Dengan ini anda dikehendaki membayar kompaun sebanyak RM30.00 di Bahagian Pengurusan dan Keselamatan untuk urusan selanjutnya.

.....
Tandatangan Pengawal

Tarikh :

Nama :

(Ceraikan Untuk Simpanan Bah. Pengurusan & Keselamatan)
(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT BAHAGIAN KESELAMATAN)

NOMBOR
PENDAFTARAN
KENDERAAN

NAMA PEMILIK KENDERAAN :

NO. PEKERJA / KAD Matrik :

NO. KAD PENGENALAN :

NO. RESIT BAYARAN

NO. SAMAN

